

Kaji dakwaan Shahidan: PM

24 MARCH 1993

ALOR STAR, Jumaat — Kerajaan menyerahkan kepada pihak yang berkenaan untuk mengkaji sama ada dakwaan bahawa Sultan Kelantan tidak layak menduduki takhta, berasas atau tidak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan perlu mengkaji sama ada dakwaan yang dibuat oleh Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Shahidan Kassim itu berasas atau sebaliknya.

"Saya tidak tahu sama ada dakwaan itu berasas atau tidak dan terpujang kepada pihak berkenaan mengkaji apa yang dikatakan oleh Shahidan itu," katanya ketika ditanya mengenai kedudukan Sultan Kelantan yang kini dipertikaikan berikutan dakwaan Shahidan di persidangan khas Dewan Rakyat, Selasa lalu.

Shahidan ketika berucap di Parlimen Selasa lalu, berkata Tengku Yahya bukan calon sebenar sultan, sebaliknya ialah saudara beliau, iaitu Tengku Indera Petra, anak daripada isteri Sultan Kelantan yang berdarah raja.

Dr Mahathir, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah serta cucu mereka tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk berbuka puasa ber-

sama rakyat di Masjid Kampung Titi Kerbau, Changlun, dekat Jitra petang ini.

Menurut Perdana Menteri, pertikaian itu adalah kesan apabila seseorang membuat dakwaan mengenai sesuatu perkara.

Bagaimanapun, apabila ditanya sama ada Kerajaan Kelantan perlu menjalankan kajian itu, Dr Mahathir berkata: "Itu saya tidak tahu, saya tidak ada komen."

Di KOTA BHARU, Pergerakan Pemuda Umno Kelantan meminta Sultan Ismail Petra menyerahkan kepada rakyat bagi menentukan kesahihan beliau sebagai pewaris Sultan Kelantan yang sah.

Ketuanya, Kamarudin Jaafar, berkata Sultan Kelantan sepatutnya menghadapi masalah pertikaian siapa yang berhak mewarisi takhta pemerintahan negeri ini dengan hati terbuka.

"Sultan Kelantan sepatutnya bersedia menghadapi kenyataan ini dengan memberi ruang seluas-luasnya bagi membolehkan usaha menentukan pewaris takhta kerajaan yang sah dilakukan," katanya ketika ditemui hari ini.

Beliau berkata, pergerakan itu tidak menyebelahi mana-mana pihak, tetapi sekadar menuntut pertikaian takhta Kera-

jaan Kelantan diselesaikan mengikut keadilan.

Kamarudin juga berkata, Kerajaan Pusat berhak campur tangan dalam isu menentukan pewaris takhta Sultan Kelantan, bagi menentukan pewaris yang sah menjadi Sultan Kelantan.

Katanya, pergerakan itu kesal dengan kenyataan Presiden Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, bahawa Kerajaan Persekutuan tidak ada hak untuk menentukan pewaris takhta Kesultanan Kelantan kerana kedudukan raja-raja tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Isu ini bukan lagi isu dalaman negeri, tetapi ia kini menjadi isu nasional. Oleh itu amat wajar Kerajaan Pusat juga turut membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Kamarudin juga meminta anak sulung kepada Tengku Indera Petra, Tengku Ibrahim Petra, supaya memikirkan kehendak rakyat Kelantan sebelum membuat sebarang kenyataan berhubung dakwaan bahawa beliau (Tengku Ibrahim) sebagai pewaris sah takhta Kerajaan Kelantan.

Sebelum ini, Tengku Ibrahim berkata beliau akan membuat kenyataan berhubung perkara itu dalam sehari dua lagi.